



TENAGA BURUH MALAYSIA, APRIL 2025

Kadar pengangguran April mencecah kadar terendah selepas satu dekad iaitu pada **3.0 peratus**, dengan 525.9 ribu penganggur

PENGANGGURAN

APRIL 2025



Bilangan penganggur

Kadar pengangguran

525.9 ribu


3.0%

Kadar pengangguran April turun kepada 3.0 peratus, kadar terendah dalam tempoh sepuluh tahun

APR' 2024 556.5 ribu
MAC 2025 529.6 ribu

APR' 2024 3.3%
MAC 2025 3.1%

Pengangguran mengikut kategori



PENDUDUK BEKERJA

APRIL 2025

Bilangan penduduk bekerja

Nisbah guna tenaga kepada penduduk

16.82 juta

68.6%

APR' 2024 16.36 juta
MAC 2025 16.78 juta

APR' 2024 68.3%
MAC 2025 68.6%

Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan



Kategori pekerja merangkumi 75.1 peratus daripada jumlah penduduk bekerja pada April 2025

TENAGA BURUH

Tenaga Buruh

17.34 juta

APRIL 2025

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh

70.8%


APR' 2024 16.92 juta
MAC 2025 17.31 juta

APR' 2024 70.6%
MAC 2025 70.7%


70.8%

Kadar penyertaan tenaga buruh yang lebih tinggi direkodkan pada bulan tersebut iaitu sebanyak 70.8 peratus


KPTB mengikut jantina



LUAR TENAGA BURUH



Sebab utama berada di luar tenaga buruh adalah berikutan kerja rumah/ tanggungjawab keluarga



Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga

43.7%



Bersekolah/ latihan

41.1%


Nota :

- Peratus perubahan (tahun ke tahun)
- Peratus perubahan (bulan ke bulan)
- Mata peratus

↔ Tidak berubah

⌚ Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Penganggur dan kadar pengangguran, April' 2024 dan Mac - April 2025



Kadar pengangguran pada April turun kepada 3.0 peratus, kadar terendah dalam tempoh sepuluh tahun, dengan 525.9 ribu penganggur

- Pada bulan April 2025, bilangan **tenaga buruh** terus berada pada trend menaik, dengan peningkatan sebanyak **0.2 peratus** kepada **17.34 juta orang** (Mac 2025: 17.31 juta orang). Oleh itu, **kadar penyertaan tenaga buruh** naik sebanyak **0.1 mata peratus** kepada **70.8 peratus** (Mac 2025: 70.7%), menunjukkan lebih ramai penyertaan buruh dalam pasaran.
- Bilangan **penganggur** menurun sebanyak **0.7 peratus** kepada **525.9 ribu orang** pada April 2025 (Mac 2025: 529.6 ribu orang).
- **Kadar pengangguran** April mencecah kadar terendah dalam tempoh satu dekad iaitu pada **3.0 peratus** (April 2015: 3.0%), berbanding Mac 2025 (3.1%).
- Bilangan **penduduk bekerja** pada April 2025 meningkat, dengan pertambahan sebanyak **0.2 peratus** kepada **16.82 juta orang** berbanding 16.78 juta orang pada bulan sebelumnya.
- Melihat dari sudut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor **Perkhidmatan** berada dalam trend peningkatan, terutamanya dalam aktiviti **Perdagangan borong dan runcit; Penginapan dan perkhidmatan makanan & minuman; dan aktiviti Pengangkutan dan penyimpanan**. Begitu juga, bilangan penduduk bekerja turut meningkat dalam sektor **Pembuatan, Pembinaan, Pertanian, serta Perlombongan dan pengkuarian**.
- Pada April 2025, bilangan penduduk di **luar tenaga buruh** naik sebanyak **0.2 peratus** kepada **7.17 juta orang** berbanding bulan sebelumnya (Mac 2025: 7.16 juta orang).

